

!

**MESYUARAT KETIGA, PEMGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEDUABELAS  
2010**

Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian

HARI RABU: 27 OKTOBER 2010

MM

Mi@MI:



## **FANMJNGAH**

**JAWAPANA AWAPAN BAGI PERTANYAAN PERTANYAAN**

**JAWAB LIS AN YANG TIDAK BAPAT DUA WAB DIBALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 8 IB3NGGA 47 )**

**NOTA: JAWAP AN - J AWAP AN BAGI SOALAN NO, 1 HINGGA 7**

**[RUJUK PENYATA RASMI HAMIAN (HANSARD)]**



PEMBEMITAMUAN PERTANYAAN BEWAN MAICYAT

PEETAM YAA.N: LISAN

DABIPADA: Y.B. TUAN MAMCKAVA8AGAM A/L 3UNDRAM

TAiUKH: 27 OKTOBER 2010

**SOALAN:**

**Tuan Manickavasagam a/1 Sundram** [ Kapar ] minta **MENTEMI SUMBER MANUSEA** menyatakan :

- (a) adakah Kerajaan bercadang untuk menjadikan pengusaha-pengusaha ladang bertanggungjawab untuk menyediakan rumah yang selesa kepada semua pekerja ladang dengan harga yang berpatutan; dan
- (b) berikan jumlah pekerja ladang mengikut pecahan kaum dan di antara mereka, berapakah yang mempunyai rumah sendiri.

PR-1233-L39733

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan sentiasa memandang berat mengenai keperluan rumah untuk rakyat termasuk bagi mereka yang bekerja di dalam sektor perladangan. Terdapat dua pendekatan yang dibuat:-

---

1 Kerjasama dari syarikat-syarikat perladangan sangat menggalakkan. Terdapat sebanyak 73 buah ladang yang telah membina 6,364 buah rumah dan dijual kepada pekerja-pekerja. Antara syarikat-syarikat perladangan yang terlibat adalah seperti berikut:-

- i) Kumpulan Guthrie Bhd.,
- ii) Sime Plantation,
- iii) Golden Hope Plantation Bhd.,
- iv) Asiatic Development Bhd.,

- i) Penyediaan kemudahan rumah yang selesa untuk pekerja yang tinggal di ladang;
  - ii) Pemilikan rumah kos rendah untuk pekeija-pekerja ladang.
2. Bagi penyediaan rumah yang selesa di ladang-ladang, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja menggunakan Akta 446 - Standard-Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 dan peraturan-peraturan dibawahnya untuk memastikan majikan / syarikat-syarikat perladangan mematuhi standard minima yang ditetapkan.
3. Bagi melaksanakan usaha ini, pihak ladang diberi tempoh selama 5 tahun iaitu dari 2009 sehingga 2013 untuk membina semula atau mengubahsuai rumah-rumah pekerja supaya menepati syarat. Setakat ini dari jumlah 2,529 buah ladang yang ada perumahan pekerja, dan pelaksanaannya sudah mencapai 74% yang melibatkan 38,662 buah rumah. Terdapat 26% rumah substandard berjumlah 17,822 buah yang akan dilaksanakan menjelang 2013.

Tuan Yang Di Pertua,

4. Kerajaan sentiasa berusaha untuk membantu pekerja-pekerja ladang memiliki rumah yang selesa dengan kadar yang dimampui. Pada Jun 1999, Jemaah Menteri telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan Pemilikan Rumah dan Penempatan Semula Pekerja Ladang yang di pengerusikan oleh Y.B. Menteri Sumber Manusia. Di peringkat negeri pula, Jawatankuasa yang sama di pengerusikan pula oleh Ahli Exco Kerajaan Negeri. Tujuan Jawatankuasa ini ialah untuk bekerjasama dengan pemilik-pemilik ladang dan menggalakkan mereka melaksanakan skim perumahan mampu milik untuk pekerja-pekerja ladang.

- v) Taiko Plantation. Sdn. BM.,
- vi) National Land Finance Cooperative Society (NLFCS),
- vii) EPA Management Sdn. Bhd.,
- viii) Boustead Estate Agency Sdn Bhd dan lain-lain.

6. Selain dari usaha-usaha di atas, Kerajaan juga berasaha membantu pekerja-pekerja ladang untuk memiliki rumah mampu milik dengan mewujudkan Skim Pembiayaan Perumahan Kos Rendah melalui pinjaman mudah bayar. Sejumlah RM 50 juta telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ke-10, untuk tujuan ini melalui Bank Simpanan Nasional. Kadar faedah maksimum 4 peratus dikenakan dengan

tempoh bayaran balik yang menjangkau sampai generasi kedua iaitu selama 40 tahun.

Tuan Yang Di-Pertua,

7. Jumlah pekerja tempatan yang digaji terns oleh ladang dan di rekod oleh Jabatan Tenaga Kerja ialah seramai 75,264 orang. Pecahan mengikut kaum ialah Melayu seramai 40,965 (54.4%), India sejumlah 15,519 (20.6%), Cina 4,035 (5.4%) dan lain-lain seramai 14,745 (19.6%).

8. Kementerian Sumber Manusia pada masa kini di dalam usaha mengumpul maklumat mengenai jjumlah pekerja yang sudah memiliki rumah dan jumlah yang berminat untuk membuat pinjaman perumahan. Di dalam masa yang sama kajian dan penilaian pelaksanaan Skim Rumah Mampu Milik oleh syarikat-syarikat peladangan di buat serentak. Dengan itu jumlah sebenar bilangan pekerja ladang yang sudah memiliki rumah akan hanya diperolehi pada akhir tugas ini.

## SOALAN 9

**PEMBERITAHUAN  
PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISA  
N**

**DARSPADA**

**Y.B. DATQ' MOHD JIDIN BIN SHAFEE**

**[SETIU]**

**TAR1KH**

**27 OKTOBER 2010**

**SOALAN**

**Meminta IVfENTERI PELANCONGAN**

**menyatakan:**

Lima negara teratas yang mencatatkan paling ramai pelancong yang meiwat Malaysia sepanjang tahun lepas dan tahun ini serta berapakah jumlah hasil yang dicatatkan daripada perkembangan tersebut dan apakah usaha Kementerian bagi memastikan pelancong asing tidak menumpukan perhatian terhadap sesuatu destinasi sahaja.



## JAWAPAN

Tuan yang di"Pertu<a,

**Lima nagara leraias yang rnenoiatkan paling ram at peianaarty asinci ke Malays la pada tahun 2009 dan tahun 2010 sehingga bulan Jun adalah seperti berikut**

No	Tahun 2009	Tahun 2010 (sehingga Jun)
1	Singapura (12.7 juta)	Singapura (6.29 juta)
	Indonesia (2.4 juta)	Indonesia (1.25 juta)
3	Thailand (1.4 juta)	Thailand (712,410)
4	Brunei (1.06 juta)	Brunei (578,636)
5	China (102 juta)	China (516,160)

Manakala, jumlah pendapatan pelancongan negara daripada 5

negara tersebut pada tahun 2009 adalah sebanyak RM38.8 bilion dan pada tahun 2010 sehingga bulan Jun adalah sebanyak RM19.17 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan pelancong asing tidak menumpukan perhatian terhadap sesuatu destinasi sahaja, pelbagai program pelancongan diketengahkan dan dipromosikan kepada mereka antaranya seperti:

- i) Program  
Homestay di seluruh Malaysia;
- ii) Karnival Membeli Belah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor;
- iii) Pelancongan Sukan Bermotor seperti F1, Motor GP dan Japan GT di Selangor; dan
- iv) Eko-Pelancongan di Pahang, Perak, Terengganu, Sarawak dan Sabah.

Selain itu, Kementerian juga bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam mempromosikan acara-acara seperti:

- t) Rainforest World Music Festival dan Sarawak Regatta di

Sarawak;

11) EHOVAE Pahang BfBfish International Challenge c»t Pahang;

tii) Mount ERnahu International Glim bath un hi Sabah:

iv) Raja Muda Selangor Regatta di Selangor: dari

v) Monsoon Cup di Terengganu,

Di samping produk-produk pefancongan tersebut, Kementerian juga telah menganjurkan beberapa acara bertaraf antarabangsa seperti:

i) International Shoes Festival di PWTC Kuala Lumpur pada 2 hingga 4 April 2010;

ii) Pesta Air di Langkawi dan Labuan pada bulan April hingga Mei 2010;

iii) Colors of Malaysia (Citrawarna) di Data ran Merdeka Kuala Lumpur pada 22 (Vies 2010);

iv) 1 Malaysia Contemporary Arts Tourism Festival di Kuala Lumpur, Melaka dan Johor pada 1 Julai hingga 30 September 2010; dan

v) Fabulous Food 1 Malaysia yang dilancarkan di Kuala Lumpur bermula pada 1 Oktober hingga 31 Disember **2010**.

**SOALAN NO.:**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR BADAQ (JERAI)**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PADA  
TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan apakah Kementerian berhasrat melakukan kerja-kerja membaik pulih beberapa lokasi di Jalan Raya Gurun-Jeniang yang menjadi rungutan penduduk berikutan kedudukannya yang membahayakan serta menyusahkan pengguna.**

**JMMPMS:**

Tuan Yang **Oi-Pertua;**

**Untuk makluman Dewam Yang EVluuia ini, Jalan Persekutuan FT175 Ourun-Jeniang, KedaSi iuarupakan sebahagian dari laluan yang terlibat dengan pelaksanaan projek menaik taraf Jalan Lingkaran Alor Setar - Tasek Pedu - Gurun (dari Pekan Gurun, Daerah Kuala Muda k@ Pekan Sik). Skop projek ini ialah menaik taraf jalan 2 Sarong 2 fiala sepanjang 35 kilometer dengan kos RM228 juta dan ia telah pun disiapkan pada 21 Jun 2008.**

Waiau bagaimanapun, JKR telah mengenal pasti terdapat beberapa kerosakart dan kecacatan pada jalan yang baru dsbina itu, antaranya berlaku keretakan pada permukaan jalan, aras bahu jalan yang lebih tinggi dari permukaan jalan dan kerenggangan pada sendi jambatan (*bridge joint*). Sehubungan itu, JKR telah mengarahkan kontraktor utama yang bertanggungjawab melaksanakan projek ini, ialfu Isyoda (M) Sdn. Bhd. untuk nnelaksanakan kerja-kerja pembaikan kerosakan tersebut. Ini kerana projek berkenaan masih lag! dalam Tempoh Membaiki Kecacatan (DIP). Berdasarkan perancangan, kerja-kerja pembaikan tersebut dijangka akan siap pada 30 November 2010.

**Sekian, terima kasih.**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARI PAD A : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK  
BADAK (LUBOK ANTU)**

SOALAN NO.:

TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAQ (LUBOK ANTU) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapa jumlah senarai jalan raya di kawasan Parlimen Lubok Antu diluluskan untuk dilaksanakan dalam RMK-10.  
Tuan Yang Di-Pertua;

Unfuk maklumsn Ahii Yang Berhormat, setakat ini terdapat 2 projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) e5i kawas&m Parlimen Lubok Antu yang akasi bersambung ke Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) di bawah Kementerian Kerja Raya. Projek-  
projek tersebut ialah seperti berikut:

fctemfeiBii JaUao Lolb©k Aniuilmrmmmsk!Em§kml Skop projek ialah menaik taraf dan membina jalan barn dengan standard piawai JKR R1 (berturap) sepanjang 16 kilometer dengan anggaran kos projek RM60 juta. Fasa 1 dan 2 fellah siap pada bulan Februari dan Mei 2010 manakala Fasa 3 pula melibafkan pembinaan jalan sepanjang 6 kilometer sedang dalam peringkat pembinaan dan ia dijangka siap pada tahun 2011.

(2) Pr@j®k Hembina Jalan Lyfe@k Anto/Wong Pandak, Lubok Antu

*MWAPM:*

**Skop projek ini ialah menaik taraf jalan pertanian sepanjang 2.8 kilometer dari pejabat SALCRA di Bafu Kaya ke persimpangasi Rurnah Ensawang. Anggaran kos projek ialah RM4 juta. Projek ini sedang dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan November 2010.**

**Sekian, terima kasih.**

**PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN**

**LISAN**

**DARI PADA**

**TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA]**

**TARIKH**

**27 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS  
TANI menyatakan dasar dan garis panduan  
untuk penternakan babi di negara kita:**

- a) nyatakan terdapat beberapa ladang ternakan babi yang berlesen mengikut setiap negerinya; dan**
- b) adakah masih terdapat kekurangan dalam pembekalan daging babi ke pasaran tempatan dan jika ini berlaku, berapakah kekurangannya dan usaha untuk mengatasi masalah kekurangan ini.**

**JAWAPAN**

**Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN  
INDUSTRI ASAS TANI**

**Tuan Yang Dipertua,**



Penternakan babi dilaksanakan di negara ini bagi menghasilkan pengeluaran daging babi urdui; memenuhi keperluan tempatan. Industri ini telah berkembang di mana negara telahpun mencapai tahap ssra diri {*self sufficiency level* - SSL) melebihi 96% sejak tahun 2006. Dasar pengeluaran daging babi **habl dalam** negara adalah untuk **memenuhi** keperluan penggunaan dalam negara.

Bagi memastikan aktiviti penternakan babi di negara Eesi **mengikut** garis panduan yang disediakan oleh Kementerian, JPV telah melaksanakan program pemantauan dan pengawalan di peringkat ladang iaitu:

- i) Menggalakkan ladang-ladang mengamalkan Sistem Amalan Baik Penternakan Haiwan (*Good Animal Husbandary Practices* - GAHP);
- ii) ladang ternakan babi diakreditasi dan diberi sijil Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT); dan
- iii) pemantauan penggunaan ubatan terlarang melalui pengambilan sampel air kencing, makanan ternakan dan air minuman. Pengambilan untuk ujian makmal sampel dilaksanakan secara berjadual dan semua ladang diwajibkan mengambil bahagian.

Pada tahun 2010, terdapat sebanyak 778 ladang ternakan babi di negara ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 479 ladang telah dilesenkan. Jumlah ladang ternakan babi yang dilesenkan mengikut negeri adalah:

<b>Bil</b>	<b>Negeri</b>	<b>Jumlah ladang dilesenkan</b>
<b>1</b>	<b>Pulau Pinang</b>	<b>200</b>
<b>2</b>	<b>Perak</b>	<b>130</b>
<b>3</b>	<b>Sarawak</b>	<b>106</b>
<b>4</b>	<b>Johor</b>	<b>41</b>
<b>5</b>	<b>N. Sembilan</b>	<b>1</b>
<b>6</b>	<b>Perlis</b>	<b>1</b>
<b>Jumlah</b>		<b>479</b>

Pada tahun 2010, berlaku sedikit kekurangan dalam pembekalan daging babi di pasaran tempatan. Jumlah pengeluaran daging babi dalam negara adalah sebanyak 246,545 tan metrik. Kekurangan bekalan daging babi pada tahun tersebut telah ditampung melalui pengimportan dari negara luar.

Jumlah import antara bulan Januari hingga Ogos 2010 adalah sebanyak 4,610 tan metrik iaitu dari negara China 320 tan metrik, Thailand 48 tan metrik dan negara-negara maju 4,242 tan metrik. Pengimportan daging babi ini hanyalah 1.87% daripada pengeluaran negara. Di samping itu, disebabkan permintaan ke atas bahan sampingan daging babi dan *suckling piglets* tidak dapat dipenuhi oleh pengeluar tempatan, negara terpaksa juga mengimport bahan-bahan tersebut.

..  
iISERITAHUAW  
[P@t fMY/AA^i  
PEPtfAMyAWAIM JAWAB LISAM  
RA&VAT

IIMRIPADA *im & m* DAW SfRR OM<3 cm *Tim*  
pcyp-^i]

TARulfCH 27 <sup>1</sup>DKTO)BIR 2m® CRABUJ

S©ALAM“

Tson Sri Dat@<sup>J</sup> S@ci ©mg Km Ting! |KiiteiT| minta **MENTERI**  
!PEMERAM©AM<sub>3</sub> KORIUUMIKAS3 DAM KEBUQAYAAM menyatakan  
jenis bantuan dan insentif yang diberikan kepada pemilik bangunan  
berwarisan di kampung-kampung baru , di seluruh negara  
memandangkan terdapat banyak bangunan lama seperti kuil,  
bangunan persatuan yang terlalu usang dan amaf rnemerlukan  
pemulihan di kampung-kampung tersebut.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

**Berdasarkan Seksyen 42(1), Akfca ■ Warisan Kebangsaan 2005,**  
tanggungjawab bagi memastikan tapak warisan terpelihara adaiah  
terletak di bawah tanggungjawab pemilik atau pemunya sendiri.  
**Walau**  
bagaimanapun, Kementerian ini akan mengkaji serta  
mempertimbangkan jika permohonan bantuan dikemukakan.

## SOALAN NO: 13

Ini kerana, peruntukan di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan melalui Jabatan Warisan Negara amat terhad yang mana perbelanjaan bagi pemeliharaan bangunan warisan memerlukan kajian yang teliti berdasarkan keutamaan warisan dan kepentingan sejarah negara.

Memandangkan peruntukan RMKe-10 amat terhad, Jabatan Warisan Negara sedang berusaha mendapatkan pinjaman khusus untuk pemilik bangunan warisan dengan kadar faedah (*interest*) lebih rendah daripada bank-bank tempatan. Ini untuk menggalakkan pemuliharaan bangunan warisan di seluruh negara, termasuklah kuil, bangunan persatuan di kampung-kampung baru dan lain-lain.

### DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTAMYAAM LIS AM

PERTAMYAAM : LISAN

LWJPADA : TUAN TAN TEE BENG [ Mi BONG TF.BAL ]

TARIKH : 27 UICIT »BER 2010 (RABU)

**SOALAN** :

**Tuan Tan Tea Bemg [ Mifoong Tebal ]** minta **MENTERI SUMBER ASLS DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah-langkah jangka panjang Kerajaan untuk menghadapi kesan-kesan pemanasan global (global warming) dan apakah persediaan-persediaan yang diambil jika aras laut naik sehingga 5 meter seperti yang diramalkan.

JAWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah merangka Dasar Perubahan Iklim Negara bagi mengarusperdanakan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh pelbagai Kementerian dan agensi Kerajaan dalam mengambil tindakan menangani isu pemanasan global dan perubahan iklim. Tumpuan dasar ini adalah kepada langkah-langkah mitigasi dan adaptasi, pembangunan teknologi dan keupayaan institusi. Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Negara yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha-usaha ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menu rut Laporan Penilaian Keempat Tahun 2007 oleh Panel Antara Kerajaan Mengenai Perubahan Iklim (Intergovernmental Panel on Climate Change - IPCC), kenaikan paras air laut global menjelang tahun 2100 adalah di dalam julat 0.18 meter (m) hingga 0.59m. Unjuran kenaikan paras air laut ini telah disemak semula kepada sehingga 1.0m dalam Laporan Sintesis, IPCC, Tahun 2009. Manakala, menurut kajian yang telah

dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang melibatkan dua lokasi iaitu, di Pulau Langkawi dan Tanjong Piai, Johor, kenaikan aras laut yang diramalkan di Malaysia pada tahun 2050 adalah sebanyak 0.25m.

Kajian kenaikan aras laut bagi seluruh kawasan pesisiran pantai Malaysia sedang dilaksanakan untuk mengenalpasti kawasan berisiko yang akan ditenggelami air. Pemetaan kawasan berisiko ini akan membolehkan pihak Kerajaan membuat perancangan pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim atau '*climate resilient development*'. Antara langkah-langkah adaptasi yang diambil termasuk:

- i. Menjalankan program mengukuhkan pesisiran pantai termasuk menanam pokok-pokok bakau sebagai usaha menangani kesan kenaikan paras air laut dan pukulan ombak;
- ii. Melaksanakan program kawalan banjir seperti Projek *Stormwater Management and Road Tunnel* (SMART); dan
- iii. Membangunkan pengurusan zon pesisiran pantai bersepadu (*Integrated Coastal Zone Management*).

Walaupun aras laut dijangka tidak meningkat sehingga 5 meter di Malaysia, namun

Kerajaan akan terus memantau serta mengambil tindakan jangkamasa pendek dan jangka masa panjang untuk menangani impak perubahan iklim kepada negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
PERTAMYAAK! s UBAM**

DARSPADA : YB. DATUM SR IHAJ8 IDRIS fBSM HAJI!  
HAROM fTAMCBCM BATU)

mmm : 27 ©ICTOBER im§ CRABU)

SOALAIM"

Y„B. DATUM IR HAJ5 fiDRBS BGfM HAJB IH1AROM (TAMGOA  
BATU} minfsi 11EMTERS ICERJA RAYA **menyatakan apakah** faktor  
**sebenar** punca kemalangan **di sesebuah lokasi berlaku berulang**  
**kali sehingga menampakkan kelemahan Kementrian** di dalam  
**menangani aspek- aspek keselamatan jalan raya secara cekap dan**  
**berkesan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua;**

**Sebagaimana Dewan Yang Mulia ini sedia maklum, faktor  
atau punca utama berlaku kemalangan di negara ini ialah  
disebabkan oleh kecuaiian manusia. Walau bagaimanapun,  
Kementrian Kerja Raya sedar dan sentiasa mengambil usaha  
dan langkah-langkah berterusan untuk mempertingkatkan lagi**

ciri-ciri keselamatan jalan dan lebuhraya di negara ini. Ini bagi memastikan struktur dan keadaan jalan di negara kita sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat kepada para pengguna jalan raya.

Sehubungan itu, antara program keselamatan yang dilaksanakan Kementerian ini ialah Audit Keselamatan Jalan (RSA) bertujuan untuk mencegah kemalangan di jalan raya, khususnya di Jalan Persekutuan. Proses RSA ini dibuat pada semua peringkat pelaksanaan jalan, bermula dari peringkat perancangan, reka bentuk, pembinaan dan pasca pembinaan. Dengan cara ini, sebarang aspek kejuruteraan jalan yang boleh mengundang kemalangan akan dapat dikenal pasti lebih awal. Program RSA ini telah terbukti menjimatkan kos bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan, khususnya semasa di peringkat reka bentuk. Manakala bagi jalan-jalan yang telah siap dibina pula, RSA akan mencadangkan tindakan pembaikan terhadap lokasi-lokasi yang sering berlaku kemalangan atau *black spot* di bawah Program Keselamatan Jalan.

Menerusi Program Keselamatan Jalan, projek-projek keselamatan jalan seperti memperelokkan geometri jalan, pembinaan bahu jalan dan lorong memotong, lorong khusus motosikal dan juga jejantas pejalan kaki serta perabot jalan akan dilaksanakan di lokasi-lokasi yang telah dikenal pasti. Program ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dengan mengambil kira keutamaan lokasi yang sering berlaku kemalangan dan peruntukan Kerajaan secara keseluruhan. Pada masa kini Kementerian Kerja



Raya telah mengesahkan 169 lokasi-lokasi Jalan  
Persekutuan yang sering berlaku kemalangan (*black spot*) di seluruh  
negara dan memerlukan tindakan untuk dibaik pulih. Untuk makluman  
AhiS Yang Berhormat, bagi tahun 2010 sahaja, Kementerian ini telah  
memperuntukkan sebanyak RM17 juta bagi rrsesialkan taraf 34 lokasi  
*black spot* di seluruh negara di mana daripada jumlah tersebut 30  
lokasi telahpun siap dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 26**

**NO. AUP : 0?**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : TUAN AMRAN BIN AB GHANI [ TANAH MERAH ]**

**DARIPADA : 27 OKTOBER 2010**

**TARIKH : 3043**

**RUJUKAN LISAN :**

**SOALAN:**

**Tuan Amran bin Ab Ghani [ Tanah Merah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapakah Kerajaan tidak memberi kemudahan Pengawal Pengiring [PDRM] kepada Menteri Besar atau Ketua Menteri di pihak Pakatan Rakyat dan juga kepada Ketua Pembangkang.

JAJIMPAM

Tuan Yang Dipeitua,

Says; ruenyuoapkan teiima kawib kepada Ahii Yang Berhumiat YarsaSi k/ieiiali yang rnenyemukakan peilanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang muiia ini, kemudahan Pengawal Pengiring oleh pihak polis disediakan kepada semua Menteri Besar atau Ketua Menteri tanpa mengira mana-mana parti sekalipun. Walau bagaimanapun, permohonan ini perlu dibuat kepada pihak polis mengikut perafuran yang sedia ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, YAB Ketua Menteri Pulau Pinang dan YAB Menteri Besar Selangor telahpun diberi kemudahan ini manakala YAB Menteri Besar Kelantan menyatakan tiada keperluan pengawal pengiring kepada beliau.

IT-

NO. SOALAN: W

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN :**

**JAWAB LISAN**

**DARI PADA : Y.B. DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Raime bin Unggi [ TENOM ] rninta PERDANA MENTERI menyatakan setakat tahun 2010, sejauh manakah keseimbangan/ perbezaan ekonomi, pendidikan dan penstrukturan diantara bandar dan luar bandar di seluruh negara.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sentiasa memberi perhatian dan berusaha gigih secara berterusan untuk menaiktaraf sosio-ekonomi rakyat luar bandar sejak Rancangan Malaysia Pertama lagi. Kesan daripada pembangunan pesat ekonomi negara sejak merdeka telah menyebabkan semakin ramai rakyat dapat mengecapi kemudahan bandar apabila mereka berpindah ke bandar atau kawasan mereka telah menjadi bandar melalui proses urbanisasi yang pesat. Pada tahun 2010, kira-kira 64% penduduk negara tinggal dibandar manakala pada tahun 2020 adalah dijangka 70% penduduk akan mendiami kawasan bandar dan hanya 30% akan tinggal di luar bandar.**

Walaupun jumlah rakyat luar bandar semakin berkurang, Kerajaan *term* melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan pencapaian penduduk luar

bandar dari segi pendapatan purata isi rumah dan pembasmian kemiskinan. prestasi pendidikan dan peluang pekerjaan serta kemudahan lain seperti infrastruktur dan utiliti.

Untuk makluman Yang Berhormat, usaha gigih Kerajaan dalam memberi kemudahan dan membawa pemodenan kepada rakyat luar bandar dalam tempoh 10 tahun yang lalu telah berjaya meningkatkan pendapatan purata isi rumah bulanan mereka daripada RM1,718 pada tahun 1999 kepada RM2,545 pada tahun 2009 manakala kadar kemiskinan luar bandar dikurangkan daripada 17.5% kepada 8.4% dalam tempoh yang sama. Dari segi pendidikan pula, secara keseluruhannya pencapaian peratusan kelulusan pelajar luar bandar yang lulus semua mata pelajaran di peringkat UPSR, PMR dan SPM terus bertambah baik dan peratusan kelulusan ini tidak menunjukkan perbezaan ketara antara bandar dan luar bandar. Misalnya peratusan murid peringkat UPSR yang mencapai kelulusan minimum tahun 2009 ialah 65% di bandar dan 60% di luar bandar. Di peringkat SPM pula, peratus pelajar yang lulus semua mata pelajaran di bandar pada tahun 2008 ialah 38% manakala di luar bandar ialah 39%.

Dari segi struktur ekonomi, luar bandar masih terus di dominasikan oleh sektor pertanian. Walau bagaimanapun, proses transformasi kepada **pertanian moden yang lebih produktif dan berhasil tinggi sedang berlaku melalui program utama seperti skim akreditasi ladang dan akuakultur, ternakan secara tertutup dan program pembangunan luar bandar dibawah konsep Agropolitan.**

**Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam RMKeLO, penekanan terus diberikan bagi meningkatkan kesejahteraan serta tahap ekonomi penduduk luar bandar yang akan merapatkan jurang sosioekonomi penduduk bandar dan luar**

bandar melalui program pakej khas bagi meningkatkan pendapatan penduduk dalam kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah. Sehubungan ini, Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar yang baru dilancarkan mengandungi strategi khusus bagi mempergiatkan aktiviti ekonomi luar bandar. Kemudahan prasarana dan utiliti serta kemudahan pendidikan juga akan dilipat gandakan melalui pelaksanaan program NKRA Infrastruktur Asas Luar Bandar (RBI) dan Program NKRA Pendidikan. Selain itu, program pembangunan di koridor pertumbuhan turut memberi penekanan kepada inisiatif mewujudkan hubungan bandar dan luar bandar bagi membolehkan penduduk luar bandar menikmati kemudahan dan peluang ekonomi di bawah pendekatan Pertumbuhan Bertumpu dan Pembangunan Inklusif (*Concentrated Growth and Inclusive Development*).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga akhir 2010, secara keseluruhannya perbezaan tahap kemajuan ekonomi, pendidikan dan struktur ekonomi antara bandar dan luar bandar masih wujud dan pada hakikatnya, adalah amat sukar untuk dihapuskan sama sekali. Ini memandangkan bandar dan luar bandar adalah dua kawasan yang secara fizikalnya amat berbeza dimana bandar nwnpafcan pusat ti smpuan segala kemudahan dan pejuang pendapatan manakala luar bandar bukan pusat tumpuan pembangunan dan aktiviti ekonomi.

Dssediakan oleh:

Encik P;azaii bin Che !\M (Pengarah)  
Encik Wan Hanafi bin Wan Mat (Timbaian Pengarah)  
Seksyen Pembangunan Wilayah Unit Perancang Ekonomi,  
JPM  
No Tel: 88723210/ 88723214

Diluluskan oleh:

Y.Bhg. Dato' Mat Noor Nawi  
Timbalan Ketua Pengarah 1  
Unit Perancang Ekonomi, JPM  
No.Tel: 8872 5443

**NO. SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARI PADA : PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]**  
**TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN:**

**PUAN FONG PO KUAN [ BATU GAJAH ]** minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan penubuhan Talent Corporation, struktur organisasi, kos operasi, anggotanya dan pendekatan yang akan diambil untuk mencapai objektif penubuhannya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Tenaga kerja berkemahiran merupakan elemen penting dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pada masa kini, hanya 28% daripada tenaga kerja Malaysia adalah tenaga kerja mahir. Menyedari bahawa terdapat sejumlah besar diaspora Malaysia di luar negara dan modal insan berkepakaran global yang boleh dimanfaatkan untuk memenuhi keperluan tenaga mahir negara, Kerajaan memutuskan untuk menubuhkan *Talent*

**Corporation (TC) yang akan berfungsi sebagai penyelaras, pemangkin, pemudah cara dan penyampai bagi membangun, mengekal dan menarik modal insan berkepakaran.**

Pada ketika ini, persiapan rapi sedang dibuat oleh pasukan interim TC bagi membolehkan TG mulai beroperasi bulat Januari 2011. Dalam hubungan ini, maklumat mengenai struktur organisasi, kos operasi dan keanggotaan TC masih dalam peringkat perbincangan. Walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM30 juta dalam tempoh 2011-2012 sebagai geran pelancaran penubuhan TC.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan TC mencapai matlamat penubuhannya, antara pendekatan yang akan diambil ialah membentuk satu Rangka Tindakan Kebangsaan Mengenai Modal Insan Berkepakaran. Rangka Tindakan ini akan mengandungi antara lain, dua unsur seperti berikut:

- i. Pertama, mengenai pasti dan membuat unjuran keperluan modal insan berkepakaran dalam sektor ekonomi utama dari semasa ke semasa; dan
- ii. Kedua, membangun inisiatif khusus bagi mempercepat bekalan modal insan berkepakaran yang kritikal.

Melalui usaha ini, Kerajaan berkeyakinan bahawa kita akan



dapat menjayakan usaha membangun, menarik dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia bagi memenuhi keperluan negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

**'SOALAN NO: 19**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TAN SRI DATUKSERI DR. FONG CHAN ONN

TARIKH: 27 OKTOBER 2010

SOALAN:

**Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [ Alor Gajah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik untuk jumlah pengangguran di kalangan lulusan universiti awam dan swasta dan sebab untuk pengangguran.

PR-1233-L39558

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah membangunkan portal pencarian pekerjaan yang dikenali sebagai *JobsMalciysia*. Portal ini membolehkan pencari kerja membuat carian pekerjaan, manakala majikan pula boleh menawarkan kekosongan jawatan yang ada di syarikat mereka. Jumlah sebenar penganggur dikalangan siswazah yang berdaftar di JobsMalaysia tidak diketahui. Ini disebabkan mereka yang berdaftar terdiri daripada pencari kerja yang ingin mencari pekerjaan dengan gaji yang lebih

menarik, ingin bertukar tempat kerja dan mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan kelulusan dan minat mereka.

2. Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan mengenai statistik pengangguran dilakngan siswazah IPTA dan IPTc, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan 200S' yang dijalankan oleh Kementerian Pengajiaa Tinggi pada tahun 2009, jumlah keseluruhan siswazah menganggur adalah seramai 77,647 orang. Daripada jumlah tersebut, bilangan siswazafe IPX A yang menganggur adalah berjumlah 18,733 orang atau 29.1 peratus daripada 64,330 keseluruhan siswazah yang menamatkan pengajian. Manakala bagi siswazah yang menamatkan pengajian oli (PIG pada tahun 2009, seramai 3,907 (29.3%) masih menganggur daripada 0,317 keseluruhan siswazali yang menamatkan pengajian.

3. Berdasarkan Kajian Yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009 di antara sebab utama yang menyebabkan graduan sukar mencari pekerjaan adalah seperti:

- i. Kurangnya permintaan terhadap bidang pengajian yang di miliki oleh graduan
- ii. Kebanyakan majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai salah satu syarat pengambilan
- iii. Kekurangan kemahiran berkomunikasi
- iv. Kelemahan menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris
- v. Keenganan graduan berhijrah dari kampung halaman dan memilih tempat
- vi. Mengharapkan gaji yang tinggi
- vii. Kurang maklumat tentang peluang pekerjaan

KK/BP(1.10)294/6-73 SJ.B/(33)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN**


DARIPADA :

PERTANYAAN :

TARIKH :

**RAKYAT, MALAYSIA**

**DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHM (KUALA  
SELANGOR)**

A handwritten signature in black ink, consisting of a vertical line with a loop at the top and a horizontal line extending to the right, with the letters 'AD' written above the vertical line.

**LISAN 27.10.2010**

**Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad (Kuala L Selangor) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kedudukan dakwaan bahawa Projek Hidroelektrik Bakun yang telah menelan belanja RM7.3 bilion akan menjadi 'gajah putih' kerana tidak ada ketentuan dari segi pembelinya (*no takers*). Apakah yang telah dipelajari oleh Kerajaan dari pengurusan projek mega dan pengalaman kegagalan Projek Hidro Bakun yang tidak wajar diulangi lagi.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Hidroelektrik Bakun dijangka tidak akan menghadapi masalah dari segi pembeli memandangkan pembangunan *Sarawak Corridor Renewable Energy (SCORE)* memerlukan 3,800MW hingga 4,000MW tenaga elektrik yang**

**mana 1.700MW akan diperoleh daripada sumber Projek Hidroelektrik Bakun. Ini adalah selaras dengan keputusan Kerajaan supaya sumber**



tenaga elektrik dari Projek Hidroelektrik Bakun adalah bagi kegunaan Negeri Sarawak.

Sehingga kini, pelaksanaan Projek Hidroelektrik Bakun tidak menghadapi sebarang kegagalan. Kehciliknya sumber tenaga elektrik yang akart di jany dari Projek ini adalah amat tinggi dan akan digunakan bagi menampung keperluan Projek *Smelter* di samping berpotensi untuk menarik pelabur dari pelbagai industri ke Negeri Sarawak. Selain itu, dengan terlaksananya Projek Bakun yang memerlukan tahap kerahsiaan pekerja yang tinggi dan kompleks, telah berjaya menghasilkan dan meningkatkan tahap kepakaran jurutera/penyeiia dan kontraktor tempatan sama ada dalam bidang kejuruteraan awam mahupun elektrik.

**NO. AUM : 22**

**NO. AUP : 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN      LISAN**

**DARI PADA        DATUK WIRA AHMAD BIN HAJI HAMZAH [ JASIN ]**

**27 OKTOBER 2010 3041**

**T ARIKH**

**RUJUKAN         SOALAN:**

**Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [ Jasin ] minta  
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan warga asing mengikut  
kerakyatan masing-masing yang terus tinggal di negara ini secara tidak  
sah seperti pada 30 September 2010 dan apakah tindakan yang akan  
diambil untuk mengusir mereka puiang ke negara masing-masing.**

Tuan Yang Pi- Ketua,

Tenma kasih difjoapkan ke-pada ahli Yang Rerhormaf Jasin yann **im\*-feiasTit**  
**Y.akan**                      **Y uvayn,**

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kementerian tidak mempunyai rekod bilangan warganegara asing yang terus tinggal di negara ini secara tidak sah, memandangkan kemasukan mahupun keberadaan golongan ini adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana- mana agensi.

Walau bagaimanapun, sebahagian dari bilangan warganegara asing yang telah tinggal di Malaysia secara tidak sah sehingga 30 September 2010 boleh dilihat dari statistik tangkapan oleh Jabatan Imigresen Malaysia terhadap pesalah imigresen sepanjang tahun 2010 seramai 25,553 orang. Dari jumlah tersebut seramai 9,944 orang didakwa, seramai 4,781 telah ditahan dalam Depot Imigresen dan seramai 15,327 orang telah diusir.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara tindakan yang diambil untuk mengusir mereka pulang ke negara masing-masing adalah:

- i. Mempercepatkan proses dokumentasi melalui hubungan kerjasama yang baik dengan perwakilan negara asal;

**Memperolehi peruntukan yang mencukupi bagi pembiayaan tiket kapal terbang ke negara asal. Sekiranya tiket kapal terbang dapat disediakan**



**oleh pihak majikan/ keluarga warganegara asing berkenaan, maka beliau dapat diusir secepat mungkin. Ketiadaan tiket penerbangan akan melewati pengusiran dan mungkin mengakibatkan Kerajaan Malaysia menanggung kos;**

**Melaksanakan Program Penghantaran Pulang PATI secara sukarela dengan mengenakan kompaun yang minima; dan**

**Menjalankan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara.**

*mm* : zq

MO.AUP : %%

PEMBERSTAHUAM PERTAWYAAM BAGS JAWAB US AM  
DEWAM RAKYAT

PERTASS!

LISAN

YAAINS

TUAN GWO-BURNE LOW [ KELANA JAYA ]

DARDPADA

27 OKTOBER 2010

TAR1KN

**3040**

RUJUKAM

SOALAN:

Tuan Gwo-Bume Loti [ Kelama Jaya ] minta SIEMTERI DALASI NEGERI menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan mengambil kira laporan siasatan SUHAKAM pada 23 April 2010 berkaitan dengan penahanan lima peguam dari Biro Bantuan Guaman yang ditahan di Balai Polis Brickfields pada 7 Mei 2009.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, laporan SUHAKAM mengenai dua (2) orang pegawai polis seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan arahan selanjutnya.

SEDAN© ID EWAN RAKYAT  
IMESYUARAT KETBGA, PENC3GAL  
KETSGA, PAYLMM AEDUA BELAS (2M0)

PERTANYAAN

**Daripada**

L88AN

Y.B To can Khacr#

**Tarikh**

**Jsruluddin** | Rembsto ]

**Soalan**

27 @lktabar 201 §

Minta CENTER! SAINS, TEKNOLOGI DAN <sup>23</sup> **INOVASI** menyatakan apakah status dan kemajuan terkini bagi projek MM Chip dan berapakah kos pembelian teknologi ini daripada Syarikat FEC incorporated.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua,**

*Malaysia Microchip Project* (MM CHIP) merupakan satu projek nasional yang menjadikan Malaysia sebagai pusat *Radio Frequency Identification* (RFID) di rantau ASEAN. Pada tahun 2003, Kerajaan Malaysia telah mengadakan kolaborasi strategik dengan FEC Inc., Jepun. Ia merangkumi hak cipta untuk merekabentuk, mengeluarkan dan memasarkan MM CHIP. Projek berteknologi tinggi ini merupakan satu usaha inovasi untuk meletakkan nama Malaysia setanding dengan negara maju di dunia bagi mencapai Wawasan 2020.

Projek ini telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Februari 2007 dan merupakan salah satu cip yang terkecil di dunia pada waktu itu. Cip ini berukuran di antara 0.45mm sehingga 0.7mm, berasaskan teknologi RFID (gelombang radio atau *radio frequency identification*) dengan *built-in antenna* menjadikannya cip pertama yang mempunyai *multi-band frequencies*) dan boleh diintegrasikan pada kertas atau kad plastik.



RFID adalah teknologi *wireless* yang berpotensi sangat besar dalam pembangunan perniagaan. Aplikasi RFID kini telah menjangkau pelbagai bidang yang berpotensi seperti:

- i. keselamatan (*security*);
- ii. logistik (*logistics*);
- iii. pengurusan fail/dokumen;
- iv. ternakan (*animal tagging*);
- v. pengurusan sisa (*waste management*);
- vi. tracking surat/bungkusan pos;
- vii. bagasi kapal terbang (*airline baggage*);
- viii. pengurusan toll (*toll management*);
- ix. pengurusan stor pintar; dan
- x. menjejaki kanak-kanak di dalam taman-taman hiburan/rekreasi (*amusement parks*).

Hasil projek MM Chip kini telahpun digunakan di Bahagian Kawalan Filem, Kementerian Dalam Negeri sebagai Label Perakuan B bagi cakera padat media sejak tahun 2008. Penggunaan MM Chip adalah sebanyak 20 juta cip setiap tahun bagi projek ini. Selain itu, aplikasi MM Chip juga telah digunakan untuk mengesan pergerakan jemaah-jemaah haji Malaysia dari TH Travels & Tours Sdn Bhd bermula tahun 2009. Tag-tag MM Chip digunakan sebagai tag jemaah dan juga tag bagasi jemaah. Pihak JAKIM dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multi-Media (SKMM) juga akan menggunakan MM Chip untuk label makanan halal dari Malaysia ke Guangzhou sempena Sukan Asia di China pada bulan November 2010.

Dalam usaha kerajaan untuk mempromosi dan membuktikan keberkesanan aplikasi MM Chip, beberapa kerja lapangan strategik telah dan sedang dijalankan. Di antara kerja-kerja lapangan yang telah selesai adalah menjejaki dan mengesan bagasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, pengurusan perhutanan dan pengurusan gudang.

Kerajaan sentiasa mengutamakan bidang pembangunan dan penyelidikan bagi menambahbaik dan memperbaiki potensi MM bagi menghasilkan MM Chip yang mempunyai ciri-ciri keselamatan

dan memori yang lebih besar yang mempunyai potensi luas dan sangat sesuai untuk aplikasi logistik, perpustakaan dan lain-lain lagi.

Bagi memastikan produk berteknologi tinggi buatan Malaysia mendapat kepercayaan pengguna di peringkat global, kualiti perlu ditentukan menurut standard Malaysia dan antarabangsa, serta syarikat pembuatan perlu mendapat akreditasi selaras dengan kaedah antarabangsa. Kemudahan pengujian yang sedang dibangunkan oleh kerajaan telah bermula dengan program RMK-9 SIPJM Berhad, iaitu *embedded system design*. Kerajaan juga sedang menimbang untuk menjadikan makmal ini sebagai pusat pengujian prestasi RFID (*RFID performance testing centre*) yang dilengkapi dengan protokol pengujian "jejak dan kesan" (*track and trace*) mengikut standard perniagaan dan antarabangsa. Produk berjenama Malaysia perlu diperkembangkan penggunaannya bagi menurunkan kos pembuatan dan menembusi pasaran global.

Kos keseluruhan untuk memperoleh teknologi MM CHIP daripada FEC Inc. adalah sebanyak RM79.8 juta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN**

**RAKYAT PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010**

**SOALAN : 24**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [ Jelutong ] minta MENTERI PENGANGKUTAN**

menyatakan butir-butir lengkap mengenai insiden-insiden pembatalan penerbangan penumpang yang telah terjadual untuk berlepas dan mendarat di Pulau Pinang yang melibatkan MAS, Firefly dan AirAsia dalam tempoh 2008 hingga sekarang. Berikan sebab-sebab bagi kesemua pembatalan penerbangan tersebut jika ianya tidak disebabkan keadaan cuaca malah lebih disebabkan 'Load Factor' dan sebagainya.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan hanya mengumpul data-data bagi pembatalan penerbangan bermula daripada bulan Jun tahun 2009. Sehubungan itu, Kementerian ini tidak mempunyai data-data pembatalan penerbangan bagi tempoh sebelum itu.

Bagi tempoh bulan Jun sehingga Disember 2009, terdapat sejumlah 700 penerbangan yang telah dibatalkan iaitu 3.65% daripada jumlah keseluruhan



pergerakan pesawat di Pulau Pinang sebanyak 19,166. Daripada 700 penerbangan yang dibatalkan tersebut, 28% adalah penerbangan MAS, 21.7% penerbangan AirAsia dan 50.3% pula adalah penerbangan Firefly.

Bagi tempoh bulan Januari sehingga Ogos 2010 pula, sebanyak 21,320 pergerakan pesawat telah direkodkan di Lapangan IV-i bang Pulau Pinang di mana sebanyak 517 penerbangan telah dibatalkan atau 2.42%. Daripada jumlah penerbangan yang dibatalkan tersebut, 36.2% adalah penerbangan MAS, 19.3% penerbangan AirAsia dan 44.5% adalah penerbangan Firefly.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, berdasarkan maklumbalas yang diterima daripada syarikat-syarikat penerbangan, sebab-sebab pembatalan penerbangan adalah kerana masalah teknikal pesawat yang perlu diberi perhatian khusus demi memastikan keselamatan penerbangan berhadapan pada tahap yang tinggi. Menurut MAS, Firefly dan AirAsia, pembatalan penerbangan adalah bukan berpunca daripada 'Load Factor' tetapi sebaliknya disebabkan oleh faktor-faktor lain seperti masalah teknikal pesawat, keadaan cuaca dan *consequential delay*.

**NO. SOALAN:..^**

**DEWAN RAKYAT ■**  
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL**  
**KETIGA PARLIMEN KEDUA BELAS**  
**(2010)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL**  
**(LABUAN)**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010**

**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal (Labuan) minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah bilangan kakitangan JAKIM sedia ada di dalam melaksanakan peraturan berhubung penguatkuasaan sijil dan pengeluaran logo halal dan berapakah jumlah kakitangan yang diperlukan bagi menjamin keberkesanan sistem persijilan halal JAKIM.**

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO<sup>5</sup> SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan waran penjawatan Bil. A 102/2009, bilangan penjawatan untuk Bahagian Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang diluluskan adalah sebanyak 152**

**I**

jawatsn. Setakat ins, Jswatan yang teiah diisi adaiah sebanyak 115 jawalan bagi melaksanakan tugas-tugas pensijian hafal dan penguatkuasaan haiaS, Bahagiam Hat? Rsla! .JAKIM dibahagikan kepada 4 cawangan iaitu Cawarigan Pangel'uaran Sijil Pan Logo Halal, Cawangan Pemantauan dan Penguatkuasaai i, dan Cawangan Fenguruan Halal.

Bersandarkan jumfw.li kakitangan yang ada, JAKIM perill! fnerbuat pemantauan dan penguatkuasaan di sefuiuh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Selain melakukan

pemantauari secara berkala kepada pemegang siji! halal, JAKIM turut menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bersama pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan { KPDNKK) berdasarkan aduan yang diterima.

Berikutan pindaan Akta Perihal Dagangan ( APD) 1972 yang akan dibentangkan oleh KPDNKK di Dewan yang mulia ini, JAKIM perlu membuat melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap pensijian halal yang dikeluarkan oleh pihak yang tidak berautoriti (selain JAKIfVi dan JAIN). Selain itu, JAKIiVI juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap aduan pengguna dapat disiasat dan diselesaikan dalam tempoh waktu yang munasabah. Tambahan beban tugas ini memerlukan jumlah tenaga yang mencukupi.

Namun begitu, pihak JAKIM merasakan jawatan sebanyak 152 ini masih tidak mencukupi dengan perkembangan pesat bidang halal ketika ini yang bukan tertumpu kepada produk makanan semata-mata. Perkembangan halal dalam bidang-bidang lain seperti logistik, farmaseutikal, bahan kimia,

dan cabang-cabang lain dilihat amat memerlukan kepakaran dari bidang teknikal. Sehubungan itu, JAKIM telah membuat permohonan tambahan penjawatan seramai 177 kepada JPA di mana 106 daripadanya adalah jawatan kritikal di dalam bidang sains, kimia, dan teknologi makanan selari dengan keperluan makmal di Institut Halal Malaysia yang akan dibina kelak dan perkembangan pensijilan halal pada hari ini.

Sekian, terima kasih.

SOALAM NO" 2®

PE11BERETAHUAM PCTTAMYAAN DEWWAM RAECrfAT

PEEYASWAAN = LISAM

**DARIPADA** : **TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR**  
| IKETER&li I

TAFIIKHi : 27 OKTOBEFI**2010** firABU)

SOALAM :

TUAN IHAJi AB AZIZ BIN AB KADIR | KETEFtEH | minta PERDANA S1EMTERI rnenyatakan

Apakah alasan dan sebabnya peruntukan RM1 juta daripada Jabatan Perdana Menteri tidak diberi sama kepada Ahli Parlimen bukan dari Barisan Nasional. Apakah Perdana Menteri sengaja menafi dan tidak mengiktiraf pilihan rakyat.

JAWAPAM:

Tuan Yang Dipertua,

Peruntukan Khas yang disediakan kerajaan adalah untuk Kawasan  
Parlimen dan bukannya untuk Y.B. Ahli Parlimen. Peruntukan ini diuruskan oleh  
Pejabat Pembangunan Negeri mengikut mekanisme yang ditetapkan dan  
peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 3**

**NO. AUP : Vt**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN**  
**HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]**  
**TARIKH : 27 OKTOBER2010**  
**RUJUKAN : 3036**

**SOALAN:**

**Y.B. Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [**  
**Kalabakan ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan**

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa kad pengenalan yang ada**  
**sekarang ini berkualiti rendah dan mudah rosak; dan**
- (b) jika maklum, apakah Kementerian mempunyai rancangan untuk**  
**menggantikan kepada kad pengenalan baru yang berkualiti tinggi,**

**terutama sekali bila mempertimbangkan bahawa banyak pihak seperti bank dan lain-lain sudah mula bergantung kepada cip yang terdapat pada kad pengenalan yang ada.**



JAWAPAM:

Saya **mengucapkan** terimakasih kepada **Ahfi** "fang **Berhormat** Kalabakan yang mengemukakan perranyaan.

KerifcJtflerian saya sedai bahawa terdapat kes-kes di mana **pemegang** MyKac! atau MyPR membuat permohonan gantian kerana kad mereka telah **rosak**. Pada tahun 2010. terdapat **sebanyak** 2,241,958 permohonan gantian kad yang rosak. KDN akan memastikan (ViyKad warganegara Malaysia mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tinggi dengan penggunaan teknologi keselamatan terkini yang digunakan di peringkat antarabangsa.

Bagi mengatasi isu kad yang telah rosak, JPN telah mengambil beberapa langkah penambahbaik antaranya;

1. Menggunakan MyKad bahan baru 100% *Poly Carbonate* (PC) bermula 13 Mei 2009 yang lebih tahan lasak.
2. Menggunakan turisan Laser pada gambar dan teks MyKad agar cetakan dan gambar tidak mudah di ubahpinda.
3. **Menggunakan-**"Salutan"*temper evident-■■■■■■* pada---**Mykad** yang menyebabkan sebarang cubaan ubahpinda kad dapat dikesan dan kad tersebut tidak dapat diguna semula.

Cadangan ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ke 10. Buat tempoh semasa sehingga projek jangka panjang di atas siap, JPN telah membuat beberapa



langkah penambahbaikan semula;

1. Menyediakan kad gantian ekspres selama 2 jam di cawangan JPN Melaka (sejak April 2007) dan JPN Kucing (akan bermula 30 Oktober 2010), dan dalam tempoh 24 jam dari tarikh permohonan bagi permohonan di Putrajaya.
2. Permohonan di JPN negeri akan diproses dalam tempoh tujuh hari bekerja. Untuk permohonan di Sabah dan Sarawak, kad akan diproses dalam masa sepuluh hari.
3. Mempastikan Mykad menepati piawaian karpintar diperingkat antarabangsa dengan menjalankan ujian-ujian kualiti di SIRIM, Mimos dan lain-lain makmal yang diiktiraf dari masa ke semasa

Untuk makluman Y.B. Kinabatangan, Mykad adalah merupakan kad pengenalan pintar pelbagaiguna yang pertama di dunia dan telah dikeluarkan oleh kerajaan pada tahun 2000. Selain daripada menjadi kad pengenalan. Mykad juga boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti menjadi dokumen lesen memandu, touch n go dan lain-lain. Mykad juga amat berkesan untuk digunakan dalam institusi perbankan dan projek-projek pemberian subsidi kepada rakyat disebabkan penggunaan biometrik dalam Mykad dapat mengcnaipasti ketulenan pemegang kad sebenar.

#### **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :**                      **LISAN**

**DARIPADA :**                      **YB DATO' DR.HAJI MOHD HAYATI BIN OTHMAN**

**TARIKH :**                      **27 OKTOBER 2010                      (RABU)**

**SOALAN**                      **:**

**Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta PERDANA MENTERI**

menyatakan bilakah Jawatankuasa Syariah-Sivil akan dapat memberi kesan kepada rakyat agar undang-undang sivil dan syariah dapat diselaraskan dalam hal-hal tertentu memandangkan kadar jenayah semakin kejam mutakhir ini.

JAWA<sup>t</sup>AS<sup>^</sup>

YB DATA<sup>5</sup> SERI MOE-MMED NAZRB BSiM ABDUL A2EZ **MENTERI** DI

**JAB ATAN PERDAMA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa berusaha dan mengambil langkah yang positif dalam memastikan penyelarasan undang-undang sivil dan Syariah di Negara ini. Dalam merealisasikan usaha tersebut, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil telah ditubuhkan sebagai jawatankuasa pelaksana bagi tujuan penyelarasan undang-undang sivil dan Syariah dan penyeragaman undang-undang Syariah di seluruh Negara.

Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil ini telah memainkan peranan yang besar dalam usaha untuk menyeiarkan undang-undang sivil dan Syariah dan menyeragamkan undang-undang Syariah di Negeri-Negeri serta membuat penambahbaikan undang-undang yang sedia ada dengan mencadangkan pindaan yang berkaitan dan sesuai agar menepati kehendak hukum Syarak dan Perlembagaan Persekutuan.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil ini telah berjaya memainkan peranan dan memberi kesan yang besar dalam mengadakan dan menyeragamkan undang-undang kesalahan jenayah Syariah yang sedang berkuat kuasa di Negeri-Negeri sekarang. Walau bagaimanapun, undang-undang tersebut hanya terpakai bagi orang Islam dan terhad kepada kesalahan terhadap perintah atau ajaran agama Islam (*precepts*) seperti kesalahan minum minuman yang memabukkan, berjudi, muncikari, persetubuhan luar nikah, khalwat dan

sebagainya yang tertakluk kepada butiran 1, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Hukuman bagi kesalahan-kesalahan jenayah tersebut puia adaiah tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355]. Dalam hal ini, walaupun kesalahan-kesalahan tersebut tidak termasuk sebagai suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574], namun ia merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang kesalahan jenayah Syariah Negeri-Negeri.

Berhubung dengan penyelarasan undang-undang sivil dan Syariah yang menyentuh undang-undang jenayah, sebahagian besar daripada undang-undang jenayah yang sedang berkuat kuasa di Negara ini adalah selaras dengan prinsip hukum Syarak. Sebagai contoh, kesalahan-kesalahan jenayah seperti rompak, bunuh, rogol, culik dan sebagainya yang merupakan suatu kesalahan di bawah Kanun Keseksaan juga merupakan kesalahan jenayah di bawah undang-undang Syariah. Pelaku atau penjenayah bagi kesalahan-kesalahan jenayah tersebut berdosa dari sudut pandangan hukum Syarak.

Justeru, Kerajaan berpandangan bahawa keberkesanan undang-undang ini dalam mengawal kadar jenayah bukan sahaja bergantung kepada penguatkuasaan undang-undang dan hukuman semata-mata, sebaliknya bergantung kepada pematuhan dan keberkesanan agensi-agensi penguatkuasaan dalam menguatkuasakan undang-undang ini. Selain itu, faktor-faktor lain seperti aspek pendidikan dan pencegahan juga perlu diberi perhatian oleh semua pihak dalam usaha untuk menangani kadar jenayah di Negara ini.



PERFIBERBTAKIUAW PERTAWYAAW DEWAN RAKYAT PERTAMYAAM :

JAWAB LSSAN

DARE PAID A : YBOATUKABD,,RAGMANBEIMBAKRfi(BR)

(SAE3AK BERMAM)

TAREKH! : Af CAAABER ^Oiu^RAPU)

**SOALAN** :

Y.B. Datuk Abel Rahmao Bin Bakri (Sabak Bernam) rrinta IIENTERI **PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAM EiASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan bagi memartabatkan pekerja sosial negara dan meningkatkan profesionalisme kerjaya tersebut serta memenuhi piawaian atau standard antarabangsa.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menyanjung tinggi akan sumbangan dan pengorbanan pekerja-pekerja sosial yang memberikan khidmat mereka tanpa kenal penat lelah kepada masyarakat. Namun, pekerja sosial yang dikaitkan dengan kerja sukarela pada masa kini menghadapi pelbagai cabaran berikutan peningkatan isu-isu sosial yang semakin kompleks seperti penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, jenayah di kalangan kanak-kanak, pengabaian warga emas, keganasan rumah tangga, isu pengemisan dan sebagainya. Bagi menangani isu sosial yang kompleks ini, aspek penting yang diberi perhatian oleh Kerajaan ialah peningkatan tahap kemahiran dan profesionalisme pekerja sosial dalam memberikan perkhidmatan penjagaan, keselamatan dan perlindungan yang berkualiti dan memenuhi keperluan golongan sasar terbabit.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil inisiatif untuk merangka Piawaian Kompetensi Pekerja Sosial Kebangsaan. Piawaian tersebut merupakan satu penanda aras kecekapan untuk amalan kerja sosial

dalam memberikan perkhidmatan kebajikan yang profesional dan berkualiti. Langkah mewujudkan Piawaian ini adalah selaras dengan teras bagi Program Transformasi Kerajaan untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan kepada kumpulan sasar. Pengaplikasian Piawaian Kompetensi Kerja Sosial Kebangsaan ini diyakini dapat meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar dan pada masa yang sama memartabatkan status pekerja sosial.

Selain itu, KPWKM juga telah mengambil tindakan untuk menggubal Akta Pekerja Sosial dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara dan agensi-agensi Kerajaan yang lain serta Persatuan Pekerja Sosial Malaysia dan pertubuhan bukan kerajaan yang berkaitan. Akta yang dicadangkan ini bertujuan untuk menentukan piawaian kompetensi kerja sosial dan piawaian kurikulum pendidikan kerja sosial yang perlu dipenuhi. Pada masa ini, draf rang undang-undang Pekerja Sosial telah disediakan dan sesi konsultatif bersama pihak berkepentingan akan diadakan bagi mengambil kira pandangan daripada semua pihak yang terlibat.

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi memastikan bidang kerja sosial ini dipandang tinggi oleh segenap lapisan masyarakat, aspek pendidikan kerja sosial perlu diberi pengiktirafan. Justeru, KPWKM dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah memulakan inisiatif untuk menyeragamkan dan menyelaraskan kurikulum kerja sosial peringkat ijazah dan ijazah lanjutan yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi awam (IPTA). Dalam hal ini, cadangan draf Kurikulum Kursus Kerja Sosial yang disediakan oleh

Jawatankuasa Rersama Kebangsaan Pendidikan Kerja Sosial telah dikemukakan kepada Kementerian Pengajian Tinggi bagi mengambil tindakan untuk menyeragamkan kurikulum pendidikan kerja sosial di IPTA yang berkenaan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY AIL R.SANTIAGO**

**(KLANG)**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**TARIKH** : **27.10.2010**

**SOALAN:**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY AIL R.SANTIAGO [ KLANG ]** minta Menteri Pelajaran menyatakan dasar Kerajaan mengenai peruntukan kewangan kepada sekolah-sekolah Menengah Cina Persendirian (independent). Apakah keputusan kajian Kerajaan berhubung dengan pengiktirafan sijil UEC Sekolah Menengah Cina Persendirian selepas pengumuman oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 25 Februari 2010.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menyediakan peruntukan kewangan kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) kerana sekolah tersebut merupakan sekolah swasta. Begitu juga dengan pengiktirafan Sijil Gabungan Sekolah Cina (UEC) kerana persijilan peperiksaan sekolah tersebut bukan dikendalikan oleh KPM, di samping itu juga, kurikulum pendidikan yang dijalankan di sekolah tersebut tidak menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Sijil UEC dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Persendirian Cina (di bawah kategori institusi pendidikan swasta). Sekolah-sekolah ini menggunakan bahasa mandarin sebagai bahasa pengantar utama dan menggunakan kurikulum yang disediakan sendiri dan tidak selari dengan Kurikulum Kebangsaan seperti yang terdapat di dalam Akta Pendidikan 1996.

Walau bagaimanapun, berdasarkan ucapan penggulungan pembentangan RMKe-IO oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 telah menyatakan



bahawa bagi memenuhi keperluan guru Bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan, lulusan MEG yang telah memiliki Sijii :5PM sebelumnya akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajiar di Insitut Pendidikan Gum bagi program Bahasa Cina.

Rjm 39

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG

[SIBUTI-BN]

TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)

### **SOALAN NO. 31**

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [ Sibuti - BN ] minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perkembangan Skim Tabung Ekonomi Belia dan berapakah jumlah pinjaman yang telah diberi kepada para belia di negeri Sarawak.

### **JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Tabung Ekonomi Belia (STEB) masih lagi ditangguhkan pelaksanaannya sejak November 2009 atas sebab kekurangan dana. Bagi negeri Sarawak, peminjam semasa adalah seramai 26 orang dengan jumlah pinjaman sebanyak RM790,000.00.

m :

PEiBERIITAIHiU PEftTAMYAAM DEWAM RAGCYAT,  
MALAYSIA

SJ.B/(1  
23)

r

; DATO<sup>5</sup> WOE Bn! KO@ HAM pEEYOAS;<sup>1</sup> )

PEPYAEYPAAM " LI1SAM

TARSKH

: YAYAYPPUI

Date<sup>5</sup> Mg@Gi Kuo Him (Benosis) minta iMIESTS

KEWAPKQAM menyatakan sama ada benar dakwaan

bahawa dalam tahun 2002 semasa Tun Abdullah Badawi menjadi  
Timbalan Perdana Menteri, beliau memaksa Sistem Penerbangan  
Malaysia (MAS) memberikan hak menswastakan MAS Catering Sdn Bhd  
kepada syarikat keluarganya bernama Fahim Capital Sdn Bhd.

JAWAPAM:

Tuan Yang **di-Pertua**,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan 70% pegangan Sistem  
Penerbangan Malaysia Berhad (MAS) dalam MAS Catering Sdn Bhd (MAS  
Catering) kepada Konsortium Gubahan Saujana Sdn Bhd (GSSB) telah  
disempurnakan melalui Perjanjian Penjualan Saham, dengan izin *Shares  
Sales Agreement* pada 30 Julai 2002. Penjualan ekuiti MAS Catering  
kepada GSSB pada harga RM175 juta dibuat berdasarkan dengan izin  
*willing buyer-willing seller basis* dan berasaskan faktor-faktor berikut:

MAS Catering bukan aset teras MAS dan pelupusan ekuiti berkenaan merupakan sebahagian daripada strategi penyusunan semula MAS supaya aktiviti fokus kepada aktiviti teras berkaitan perkhidmatan penerbangan dan kargo sahaja; dan

GSSB dimiliki 51% oleh Fahim Capital Sdn Bhd (Fahim Capital) dan 49% oleh LSG Asia GmbH (LSG Asia). Fahim Capital merupakan syarikat tempatan yang bergiat cergas dalam perniagaan makanan untuk pasaran dalam dan luar negara manakala LSG Asia bergiat aktif dalam penyajian makanan penerbangan di seluruh dunia.

PEIMBERBTAHIJALix<sup>1</sup>] PERTAMYAAM **BEWAM**

RAKYAT PERTARYAAR : **LISAN**

DARBPADA : Y© TUAM AAROM AGO AMAK DAGAR3  
(KANOWR1

TARGRR : 2T OKTORER 2010 (RAER)

SO ALA M:

Tuan Aaron Ag© Aoialk Dagoaig fKamowit] minta PER.DARA iiENTERI menyatakan apakah sebenarnya rintihan segelintir rakyat yang melihat bahawa matlamat DEB yang berteraskan *affirmative action* itu kurang memberi kesan ke atas sasarannya. Apakah langkah-langkah Kerajaan bagi merealisasikan sebenar objektif dasar tersebut.

JAWAPAM:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah pun tamat pada tahun 1990. Walaupun begitu, matlamat utama DEB, iaitu mencapai perpaduan nasiona! masih lagi relevan dan terus dikekalkan dalam dasar-dasar

pembangunan selepas DEB. Bagi mencapai matlamat perpaduan nasional, Kerajaan telah mengekalkan dua strategi penting dalam dasar tersebut, iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Sesungguhnya Kerajaan komited untuk memastikan penyertaan yang lebih seimbang dan saksama di kalangan pelbagai kumpulan etnik di negara ini. Pelbagai usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi telah dilaksanakan bagi meningkatkan lagi tahap pencapaian ekonomi Bumiputera supaya setanding dengan pencapaian masyarakat bukan Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DEB telah mencatatkan kejayaan yang membanggakan dalam usaha membasmi kemiskinan. Kemiskinan keseluruhan telah berkurangan dengan ketara daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 3.8 peratus pada tahun 2009. Kadar kemiskinan tegar di Malaysia juga telah berkurangan daripada 3.9 peratus pada tahun 1990 kepada hanya 0.7 peratus pada tahun 2009.

Selain itu, pelaksanaan DEB juga telah berjaya mengurangkan nisbah jurang pendapatan antara kumpulan etnik. Nisbah jurang pendapatan di antara Bumiputera dengan etnik Cina telah berkurang daripada 1:2.29 pada tahun 1970 kepada 1:1.38 pada tahun 2009. Begitu juga dengan nisbah jurang pendapatan di antara Bumiputera dengan etnik India yang turut berkurang daripada 1:1.77 pada tahun 1970 kepada 1:1.10 pada tahun 2009. Pekali Gini juga mencatatkan penurunan pada tahun 2009, iaitu 0.441 berbanding 0.462 pada tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua,

Dari segi penyusunan semula masyarakat, pegangan ekuiti Bumiputera dalam sektor korporat telah meningkat daripada hanya 2.4 peratus pada tahun 1970 kepada 21.9 peratus pada tahun 2008. Pegangan ekuiti bukan Bumiputera juga meningkat daripada 34.3 peratus pada tahun 1970 kepada 36.7 peratus pada tahun 2008.

Penyertaan guna tenaga juga telah mencatatkan peningkatan dalam kategori pekerjaan pengurusan dan profesional. Bilangan profesional, khususnya di kalangan etnik Bumiputera dan India telah meningkat. Antaranya, penyertaan Bumiputera dalam profesion arkitek telah meningkat daripada 4.3 peratus pada tahun 1970 kepada 60.0 peratus pada tahun 2008, manakala etnik India mencatatkan peningkatan dalam profesion doktor gigi, iaitu daripada 5.1 peratus kepada 15.8 peratus.

Kerajaan sedar dan prihatin bahawa pencapaian Bumiputera dalam beberapa aspek pengagihan masih belum mencapai sasaran, terutamanya dari segi hate milik ekuiti korporat, guna tenaga profesional

dan ketaksamaan pendapatan antar tiara etnik. Menyedari hakikat ini, Kerajaan dalam **tempoh** Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) akan terus menekankan falsafah pembangunan 'peril imfruhart dengan pengagihan yang saksama'. Selain ilix RMKe-iO juga akan memberi tumpuan kepada pendekatan inklusif yang merupakan pra syarat bagi memastikan setiap rakyat dapat menikmati kemakm'jrars haail **pemhangunan** negara. Pendekatan ini akan menjamin keadilan sosial kepada golongan yang henar-bemar memeriuukan bantuan tanpa meminggirkan mana-mana kumpuian etnik. Bagi memastikan keberkesanan program/projek kepada **kumpuian** sasaran, empat prinsip utama akan diberi penekanan, iaitu mesra pasaran, berdasarkan keperluan, berasaskan merit dan ketelusan. Ins selaras dengan matlamat pembangunan negara dan pembentukan masyarakat yang lebih bersatu padu dan progresif.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010**

**SOALAN :**

**TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah Menteri, Ketua Menteri, Menteri Besar, pemimpin politik dan kakitangan awam yang disiasat dan didakwa kerana memiliki harta melebihi jumlah pendapatan biasa mereka, jumlah harta yang disita dan mengapakah SPRM jelas gagal**

**mengambil tindakan terhadap “ikan yu”.**

*JMmPAM: YB DATO<sup>J</sup> SERfi MMMffiD MA2RB BBM ABDOL mz*

PERD/im iiEMTERI

Tuan Yang **tii-Pertua**,

Setakat ini Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih menyiasat 11 orang di bawah seksyen 32 Akta Pencegahan Rasuah 1997 atau Seksyen 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 yang melibatkan kesalahan berkaitan dengan harta berlebihan. Bagi tempoh 2009 hingga September 2010, sebanyak 2 pertuduhan telah dibuat berkaitan kesalahan tersebut.

SPRM mengambil tindakan tanpa mengira siapa mereka sama ada “ikan

bilis”, “ikan yu”, “ikan jerung” atau “mega jerung”. Siasatan akan dijalankan dan pendakwaan akan dibuat berdasarkan bukti dan keterangan yang diperolehi. Dakwaan YB Spoh Timur bahawa SPRM gagal mengambil tindakan ke atas “ikan yu” adaiiah tidak tepat dan bertujuan untuk mendapatkan “*political milleage*” (dengan izin) semata-mata memandangkan terdapat pendakwaan yang telah **dibuat ke atas kes berprofil tinggi sebelum ini terutamanya dalam kes PKFZ.**

**Pada masa yang sama masyarakat diharap agar tidak terkeliru dengan dakwaan-dakwaan pihak tertentu bahawa SPRM telah gagal dalam tindakan mereka. Masyarakat juga hendaklah bersama-sama SPRM dalam menjayakan agenda pembanterasan rasuah dengan tampil ke hadapan membantu SPRM menyalurkan maklumat- maklumat yang tepat tanpa adanya agenda tersembunyi baik dari segi politik mahupun kewangan.**

**Sekian. Terima kasih.**



PERTAWYAAW

USAM

DARIPADA

im am : @

TARSKH

MQ. AUP : | \$  
DATUK SID.SIRAT BIN ABU | BUKIT KATIL ]

RUJUfKAM

IPEMBERiiTAHI! J A M IPERTAWYAAi^S BAGS JAWAB IIJSAW  
DEWAM RAKYAT

27 OKTOBER 2010

3037

SOALAN:

Datuk SldLSiraf bin Abu [ Bukit Katii ] minta S1EMTER! DAIAil NEGERI menyatakan semenjak dulu hingga sekarang, semakin ramai dan semakin berani rakyat Malaysia dengan sengaja memburukkan imej negara di luar negara untuk kepentingan tertemtu. Mai ah an pada hari ini terdapat juga yang berani memburukkan imej negara dari dalam negara sendiri melalui teknologi komunikasi. Apakah tindakan Kementerian yang benar-benar berkesan untuk mengatasi situasi ini. Apakah cukup dengan siri-siri arrtaran keras sahaja untuk memberhentikan aktiviti yang tidak bertanggungjawab ini.

## **JAWAPAN**

*Tuan Yang Dipertua,*

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Katil yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, perbuatan rakyat Malaysia memburukkan imej negara bukan sahaja boleh menjatuhkan maruah negara tetapi juga merupakan tindakan yang melanggar Perlembagaan Persekutuan serta mencabar kedaulatan undang-undang di negara ini. Dalam hal ini, Kementerian memandang serius sebarang perbuatan sedemikian dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang didapati terlibat.

*Tuan Yang Dipertua,*

Perbuatan memburukkan imej negara boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan 1948 sekiranya perbuatan tersebut mempunyai kecenderungan menghasut. Sekiranya ia melibatkan penggunaan platform teknologi komunikasi, siasatan boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Tindakan juga boleh diambil di bawah Kanun Keseksaan sekiranya terdapat keterangan yang mencukupi. Bagi kes-kes yang melibatkan implikasi dari aspek keselamatan negara dan ketenteraman awam pula, peruntukan di bawah undang-undang pencegahan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 boleh digunapakai.

*Tuan Yang Dipertua,*

Pertanyaan ini adalah mengenai apakah pihak yang terlibat dalam membunuh orang-orang Malaysia.

**NO. SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010**

**SOALAN :**

**TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [ SUBANG ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menghantar satu pasukan penyiasat ke Perancis untuk diberi akses kepada hasil siasatan oleh Majistret Perancis di dalam kes rasuah berkenaan Syarikat DCNS dan pembelian kapal selam Scorpene oleh Malaysia.**

*JmmPMt YB DATO' SERI MOHAMED' MAMRI ABDUL MAMRI,*

**MEMBER DARI JABATAN PERKHIDMATAN DEWASA**

Tuan Yang **di-Pertua,**

Dalam siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mana-mana saksi yang terlibat akan dipanggil untuk membantu siasatan

termasuk saksi-saksi warga negara asing. Bagi siasatan yang dijalankan oleh Majistret Perancis di dalam kes ini, SPRM belum mempunyai keperluan untuk mendapatkan akses ke atas maklumat yang telah diperolehi oleh pihak Perancis.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE**

**(BN) (MAS GADING)**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Datuk Dr Tekhee @ Tiki Anak Lafe (BN) (Mas Gading)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah statistik kes membuang bayi di seluruh negara, dengan mengambil kira fakta latar belakang, keturunan, tahap persekolahan, umur dan status perkahwinan serta menerangkan langkah-langkah proaktif yang diguna pakai oleh Kementerian untuk menangani masalah “membuang bayi” yang makin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini. **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius akan fenomena pembuangan bayi yang merupakan isu sosial yang semakin serius dibincangkan akhir-akhir ini oleh semua pihak. Sehingga kini data bilangan bayi yang dibuang yang dilaporkan kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seperti berikut di mana daripada tahun 2005 hingga September 2010 sebanyak 472 kes buang bayi dilaporkan tji eeiruh negara. Daripada jumlah tersebut sebanyak 177 melibatkan bayi lelaki, 131 perempuan dan 168 kes tidak diketahui jantinya kerana telah reput. Bagi tahun 2010, aehingga September sebanyak 76 kes buang bayi telah dicatatkan PDRM menjalankan siasatan rapi ke atas setiap kes pembuangan bayi yang dilaporkan namun pertuduhan u'i rnaiksmah sukar dilaksanakan kerana kekurangan maklumat dan kesukaran untuk mengesan ibubapa kandung bayi. Di samping ttu<sub>5</sub> KPWKM vurut bekerjasama dengan PDRM dalam member! pp.rlindungan

kepada bayi dibuang yang masih hidup.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menangani gejala ini, Kerajaan telah rnengambil tindakan antara lain dengan menyediakan tempat perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah Taman Seri Puteri sebanyak empat (4) buah dan dua (2) buah Pusat Jagaan Sinar Kasih.

Taman Seri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil bayi luar nikah. Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera.

Selain itu, KPWKM juga mempunyai lima puluh lima (55) buah lagi institusi kebajikan, satu ratus empat (104) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan lima puluh lima (55) buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima bayi-bayi yang memerlukan perlindungan.

JKM juga menjalinkan kerjasama dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah Pertubuhan Sukarela Kebajikan yang menerima geran dari JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini.

Di samping itu, Kementerian melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) turut melaksanakan usaha-usaha bagi menangani gejala tersebut melalui tindakan seperti berikut:

- i. Perkhidmatan Kaunseling;
- ii. Bengkel Interaktif;

- iii. Melaksanakan program kesedaran melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak- Kanak Daerah (JKKD);
- iv. Melaksanakan program kesedaran melalui pelaksanaan Modul SmartStart, Modul Kasih, Program Parenting@Work; Modul *I'm In Control* (Versi Remaja dan Versi Ibu Bapa);
- v. Mewujudkan pusat aktiviti remaja kafe@TEEN;
- vi. Melaksanakan Program Pengukuhan Nilai Keluarga; dan
- vii. Program Kenali Anak Kita.

Selain itu, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti, pembentukan nilai sendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Di dalam mesyuarat Majlis Sosia! Negara Ke-7 dipengerusikan oleh i/a.B, i tmbalan Perdana Menteri pada 1 Oktober 2010' yang lalu wakil daripada *The International Institute of Islamic Thought dan Cilivization* (iyTAO) Muhammad 'Uthman El- Muhammady Prof. Sayyid Ajmal M.Razak Al-Aidurs telah membentangkan kertas kerja dengan tajuk "Masalah Membuang Bayi: Penyelesaiannya Daripada P^rspektif Islam".

Di daiam pembentangan tersebut cadangan aenyelesaian berdasarkan pandekatan cara Isiam untuk mengatasi isu pembuangan bayi telah dibahagi kepada langkah jangka pendek dan panjang yang member! tumpuan kepada 3 institusi asas iaitu keluarga, masjid dan sekolah.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat semata- mata. Kerjasama dari

pelbagai agensi Kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia, badan bukan Kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia dan sektor korporat juga penting dalam usaha membendung masalah pembuangan bayi. Begitu juga dengan tanggungjawab dan peranan masyarakat umum terutamanya ibubapa dan ahli keluarga terdekat perlu ditingkatkan supaya gejala ini dapat ditangani. Setiap rakyat Malaysia mempunyai tanggungjawab untuk bersama Kerajaan mengambil segala usaha membendung masalah pembuangan bayi daripada terus berleluasa.

KPWKM bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui kempen "KAMI PRIHATIN" juga berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan adalah menjadi harapan Kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat untuk meningkatkan kesedaran terhadap gejala ini dan akhirnya isu pembuangan bayi dapat dibendung sepenuhnya.



PEPTAMYAAM

LISAN

PAROPADA

**PEMBERITAHUAN**

TARIECrc

**PERTAMYAAM**

SOALAN

**BEWMi RAKYAT**

TUAN LjISW CHIP! TOM© [ BOPDT BEPEPA] 27

OPYOBEP 20 YJ (RABU)

Tyarn Lo@w GSim Tong [ By kit Besndera ] minta PEPDAMA CENTER!  
menyatakan mama anggota, ahli exco dan ahli ex-officio, fungsi, peruntukan dan kuasa  
Majlis Ekonomi Negara (National Economic Council).

JAWAPAM :

Tuan Yang Di Pertua,

Majlis Ekonomi felah ditubuhkan oleh Kerajaan pada Ogos 2008 untuk menangani kesan  
ketidakstabilan ekonomi dunia ke afas ekonomi negara berikutan krisis perbankan yang  
berpunca daripada krisis spekulasi perumahan yang berlebihan di Amerika Syarikat.

Fungsi Majlis Ekonomi adalah bertindak sebagai badan penasihat kepada Kerajaan **untuk**  
rnenangani kesan daripada penguncupan ekonomi global ke atas ekonomi negara dan  
rmemastikan kesinambungan pertumbuhan ekonomi tempatan. Matlamat Majlis Ekonomi adalah  
seperti berikut:

- **Mengawasi dan menganalisis trend dan perkembangan ekonomi global dan domestik dan merangka tindakan-tindakan spesifik untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi**  
**Merumus strategi ke arah mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi dengan menggalakkan pelaburan luar dan dalam negara**
- **Mengenalpasti cara-cara membendung inflasi dan merangka strategi yang berkesan untuk menghadapi kenaikan harga minyak, komoditi dan harga makanan di peringkat global**  
**Mengkaji dan menyusun semula rangka kawalan harga dan subsidi untuk mengurangkan beban kepada ekonomi**  
**Merumus satu jaringan keselamatan sosial yang komprehensif bagi mengurangkan kesan inflasi dan kelembapan ekonomi ke atas kumpulan yang berpendapatan rendah dan sederhana**
- **Memantau pelaksanaan keputusan-keputusan Majlis Ekonomi untuk memastikan kesan-kesan yang diharapkan tercapai**  
**Mempelopori usaha-usaha meningkatkan sumber pertumbuhan ekonomi baru, menggalakkan pelaburan swasta termasuk pelaburan asing dan domestik serta mempercepatkan pelaksanaan projek sektor awam yang strategik.**

**Struktur Majlis Ekonomi dibentuk untuk membolehkannya berfungsi secara cekap dan keputusan-keputusannya dilaksanakan dengan cepat, cekap dan efisien. Majlis Ekonomi adalah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dianggotai oleh menteri-menteri dan pegawai-pegawai Kanan Kerajaan. Nama anggota Majlis Ekonomi sekarang adalah seperti berikut:**

- i. **Y.A.B. Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak - Pengerusi Perdana Menteri**
- ii. **Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Mohd. Yassin Timbalan Perdana Menteri**
- iii. **Y.B. Tan Sri Nor Mohamed Yakcop Menteri di Jabatan Perdana Menteri**

- iv. **Y.B. Data'** Sri Musi&pa Mohamet\*  
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- v. **Y.B. Dato'** Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah  
Menteri Kewangan /I
- vi. **Y.B. Date'** Sri K'rif-- Jala  
Menteri **di** YYYYii P-nJana Menteri

Anggota Ex-Officio adalah seperti berikut:

- vii. **Y. Bhg. Tan Sri SVlohd** Sidek Hassan  
Ketua Setiausaha Negara
- viii. **Y.B. Tan Sri Amirsham A. Aziz**  
Pengerusi, Majlis Penasihat Ekonomi Negara
- ix. **Y. Bhg. Tan Sri Dr.** Wan Abdul Aziz Abdullah  
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- x. **Y. Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Zeti Akhtar Aziz**  
Gabenor, Bank Negara Malaysia
- xi. **Y. Bhg. Dato' Noriyah Ahmad**  
Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi
- xii. **Y. Bhg. Dato' Dr. K. Govindan**  
Ketua Urusetia Majlis Ekonomi Sekian, terima kasih.

**PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAB LISAN**

**PERTANYAAN      DATO' SERI TIONG KING SING 27 OKTOBER 2010**

**DARIPADA        (RABU)**

**TARIKH            NO. 39**

**SOALAN**

**Dato' Seri Tiong King Sing [ Bintulu ] minta MENTERI  
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a)      adakah pihak Kementerian mempunyai syarat kemasukan yang selaras bagi pemohon lepasan STPM ke IPTA di seluruh Malaysia; dan**
  
- (b)      berapakah peratus mahasiswa-mahasiswi yang gagal bergelar graduan dalam tempoh yang ditetapkan dan faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kelayakan minimum kemasukan ke Program Pengajian Ijazah bagi Lulusan STPM adalah**

sama dan aeiaras di semua IPTA. Keiaysksn yang dip@rb.tkan adalah seperti berikut:-

- i. Lulus Sip Pelajaran Malaysia (SPMySotaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia Kertas AiHai: li. Lulub Rftparikaaan Sp Tinggi pei^eloYahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) mata pelajaran Pengajian Am; dan Gred C (NGMP 2.00) dalam dua (2) mata pelajaran lain; dan
- iii. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysian University English Test (MUET).

Selain dari syarat am yang dinyatakan, pemohon juga perlu memenuhi syarat khas program yang ditetapkan oleh Senat Universiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2009, seramai 3,410 pelajar gagal menamatkan pengajian di 20 buah IPTA seluruh negara. Punca-punca kegagalan yang dikenalpasti antaranya ialah gagal dalam peperiksaan, berhenti atas kerelaan sendiri dan diberhentikan atas sebab-sebab pelanggaran disiplin.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHSIN FADZLIBIN HAJI SAMSURI  
( BAGAN SERAI)

TARIKH : 27 OKTOBER 2010

## SOALAN ( 40 )

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA (RABU )

#### SOALAN

**Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI (BAGAN SERAI)** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah untuk mengurangkan penggunaan lampin pakai-buang sebagai langkah pengurangan penggunaan plastik.

#### JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum tentang kesan negatif yang timbul jika bahan plastik tidak di lupus dengan baik dan berkesan. Bagi menangani masalah ini, pendekatan yang diambil pada ketika ini adalah menerusi kaedah 3R (mengurang, mengguna semula dan mengitar semula).

Kementerian tidak menetapkan strategi khusus untuk menangani masalah yang timbul daripada penggunaati lampu pakai huang yang pada Peoka Ini dsPoang Peraania- sanaa dengan Sain^aio sisa.

Kerajaan tidak berPasrat untuk menyekat penggunaan lampu pakai buang seliingga satu alternatif bans yang lebih murah dan mesra alam ditemui bags gentian lampu pakai buang. Dalam ftal ini, Kementerian sedang menelsti **strategi** dan kaedah-kaedah yang sedang digunakan oleh negara- negara lain bag! merawat dan melupus lampu pakai buang ini.

Kementerian Perumahan  
dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2010

**NO. AUM : 10**

**NO. AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

<b>PERTANYAAN</b>	<b>LISAN</b>
<b>DARIPADA</b>	<b>DATO' SERI TENGGU AZLAN IBNI ALMARHUM SULTAN ABU BAKAR [JERANTUT]</b>
<b>TARIKH</b>	<b>27 OKTOBER 2010</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>3038</b>

**SOALAN:**

**Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [ Jerantut ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah perkara-perkara yang boleh dianggap sebagai hasutan dan Akta Hasutan boleh digunakan.**



JAWAPAW:

Tuan Yang Pi-Peitua,

•Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahii Yang Berhormat yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ah!i Yang Berhormat, Akta Hasutan diperkenalkan pada tahun 1948 bagi mendakwa mana-mana orang perseorangan, kumpulan atau pertubuhan-pertubuhan **yang mempunyai** kecenderungan menghasut melalui perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau apa-apa benda lain bagi:

- (i) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau membangkitkan perasaan tidak setia terhadap mana-mana Raja atau Kerajaan;
- (ii) Membangkitkan rakyat mana-mana Raja atau penduduk mana-mana wilayah yang diperintah oleh mana-mana Kerajaan supaya cuba mendapatkan perubahan, dengan apa-apa cara selain cara yang sail, apa-apa jua yang wujud menurut undang-

- undang di dalam wilayah Raja itu atau wilayah yang diperintah oleh Kerajaan itu;
- (iii) Mendatangkan kebencian atau penghinaan atau bagi membangkitkan perasaan tidak setia terhadap pentadbiran keadilan di Malaysia atau di mana-mana Negeri;**
  - (iv) Menimbulkan perasaan tidak puas hati atau tidak setia di kalangan rakyat Yang di-Pertuan Agong atau rakyat Raja mana-mana Negeri atau dikalangan penduduk Malaysia atau penduduk mana-mana Negeri;**
  - (v) Mengembangkan perasaan niat jahat dan permusuhan antara kaum atau golongan penduduk yang berlainan di Malaysia; atau**
  - (vi) Mempersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan atau Perkara 152, 153 atau 181 Perlembagaan Persekutuan.**

**PERTANYAAN : LISAN**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

DARIF ADA : YB FUAI-J CHONG ENG  
TARIKH : 27 OKTOBER 2010  
SOALAN :

Puan Chong Eng [ Bukit Mertajam ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan Malaysia bercadang memansuhkan hukuman mati berdasarkan kenyataan YB. Padang Rengas baru-baru ini yang menyokong ianya dimansuhkan.

TAWARAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRi ABDUL AZIZ

MENTERI DI TAB AT AN FERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan masih belum bercadang untuk memansuhkan hukuman mati. Namun, Kerajaan menyambut baik apa-apa cadangan yang diberikan oleh mana-mana pihak yang menyokong supaya hukuman mati dimansuhkan. Cadangan tersebut akan diberi pertimbangan yang sewajarnya setelah kajian yang menyeluruh dan penelitian yang rapi dibuat dalam pelbagai aspek dan juga setelah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak. Perkara ini adalah perlu kerana pemansuhan hukuman mati akan memberikan impak yang besar kepada sistem perundangan Negara ini. Pindaan yang sewajarnya juga perlu dibuat kepada undang-undang jenayah yang tertentu sekiranya hukuman mati dimansuhkan di Negara ini.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**Pertanyaan**

**Daripada**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ]**

**Tarikh Menjawab**

**27 Oktober 2010 (Rabu)**

**Soalan**

**No. 43**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [ Kapit ] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan mengapa industri pengeluaran bio-diesel belum lagi dapat bergiat walaupun beberapa lesen atau permit telah dikeluarkan kepada beberapa buah syarikat yang ingin mengendaiikan perusahaan ini.**

**JAWAPAN :**

**Untuk makluman Yang Berhormat, pengeluaran biodiesel berasaskan sawit telah giat dilaksanakan di negara ini sejak tahun 2006. Daripada hanya lima (5) kilang biodiesel pada 2006, kini terdapat 18 kilang yang telah siap dibina dan beroperasi dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 2.27 juta tan setahun. Pada tahun 2009, kira-kira 220,000 tan biodiesel dikeluarkan dan dieksport ke sembilan (9) buah negara bernilai hampir RM606 juta.**

**Tahap pengeluaran biodiesel di negara ini dijangka meningkat apabila penggunaan mandatori biodiesel sawit dilaksanakan secara berperingkat mulai Jun 2011. Di peringkat permulaan, penggunaan biodiesel adalah**

pada kadas adunsui b perstus (&(>/. At(gp-aran kep^i Su&if biodiesel **tempafan dijangka** mencapai 500,000 tan seta him atau 568 **juta liter** **apabila program** mandators berkenaan **dilaksanakan** di seluruh **negara**.

Peiaksanaan penggutiaan **biodiesel sawit** seoara mandated adalah **selaras dengan** Dasar Piobahan Api Negara yarifs **uienggariskan** **biobahasi** api **sebagai salah** satu daripada lima (5) sumber uiana tenaga negara. Penggunaan **biobahan** api, **teinriasuk** biodiesel akan **mengurangkan pergantungan** kepada **bahan** api petroleum **dan pelepasan** gas rumah hijau seperti karbon dioksida dan karbon monoksida.

**Di samping pasaran tempatan, permintaan terhadap biodiesel di pasaran**

eksport dijangka turut **meningkat** Umpamanya, Kesatuan Eropah (EII) **telah** menggubal *Renewable Energy Directive* (RED) yang **menetapkan** sasaran 20 peratus sumber tenaga boleh diperbaharui di dalam keseluruhan penggunaan tenaga menjelang 2020. Khusus bagi sektor pengangkutan, sasaran 10 peratus sumber tenaga daripada biofuel, **termasuk biodiesel**, juga ditetapkan. **Memandangkan EL) menghadapi kekurangan sumber tenaga diperbaharui, termasuk biodiesel, terdapat prospek bagi biodiesel berasaskan sawit Malaysia dieksport ke pasaran Eropah.**



## SOALAN NO: 44

### PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH: 27 OKTOBER 2010

SOALAN:

**Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk memastikan 34% pekerja Malaysia yang bergaji bawah RM700 sebulan dinaikkan gaji supaya melepasi garis kemiskinan.

PR-1233-L39598

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat mengenai langkah Kerajaan untuk memastikan 34% pekerja Malaysia yang bergaji bawah RM700 sebulan dinaikkan gaji supaya melepasi garis kemiskinan, sukacita memaklumkan Kerajaan akan menubuhkan **Majlis Konsultasi Gaji Negara**. Majlis ini akan diwakili oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi Kerajaan, ahli akademik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan individu. Penubuhan majlis ini dijangkakan akan memberi faedah kepada 3 juta pekerja swasta apabila dilaksanakan kelak.

no. mm

MO.AUP : LP

PEWERITAHUAM PERTANYAAN BAGS JAWAB IU8AN  
DEWAM RAKYAT

PERTANYAAM LISAN

DARIPADA TUAN RAJ1 SV8ATUUDII BIN HAJ1 JUSOH [DUNGUN 3

27GKTOBER2010

TARSKM

2S92

RUJUI'CAN

SOALAN:

Tuan [HajS Matulidi bin Maji Jusoh [ Dungum ] niinta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasi masalah depoh tahanan Jabatan Imigresen di seluruh negara yang fidak memenuhi kriteria pusat tahanan selain mengalami masalah kesesakan dan kekurangan tenaga kerja berpengalaman bagi mengawal selia premis tersebut.



**JAWAPAN :**

Tuan yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, sukacita saya menggariskan kriteria sesebuah pusat tahanan iaitu antaranya menentukan keadaan fizikal pusat tahanan yang memenuhi ciri-ciri keselamatan dan selamat berkonsepkan "*safe custody*" ( dengan izin ), menyediakan kemudahan- kemudahan asas untuk kegunaan tahanan serta dilengkapi dengan peraturan dan *Standard Operating Procedure* yang jelas dan berkesan.

Untuk mengatasi masalah kesesakan pula Kementerian telah menaikkan depot-depot tahanan secara berperingkat iaitu sebanyak 4 depot ( Semenyih, Lenggeng, Pekan Nenas dan Machap Umboo ) sedang dinaiktaraf dan dijangka siap dalam tahun ini sementara tiga ( 3 ) lagi depot iaitu Kemayan, Belantik, Tanah Merah akan dinaiktaraf dalam RMK 10 iaitu mulai tahun 2011 hingga 2012.

Untuk menangani masalah kekurangan tenaga kerja berpengalaman pula, Kementerian telah menempatkan pegawai dari Jabatan Penjara di depot tahanan dan akan menyediakan latihan kepada pegawai dan kakitangan mengenai asas kawalan tahanan secara *on the job training* serta latihan yang bersifat modul.

[Kementerian juga akan mengisi keko\* organ jawatan di semua depot yang

berjurniah sebanyak .100 jawstan.

Fengarah-pengarr h penjara besdekyran depot-depot juga fr-jyh diminta untuk **memberikan** khidrnat aacihai da tarn aspe.k kawaiian keseiamatam khususnya dalam rnemantapkan *Standard Operating drocedurt* Lepada komandan- komandan depot-depot tahanan berkenaan.

**PERTANYAAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA PEMBELI TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU] RABU, 27**

**TARIKH RITAHAN OKTOBER 2010**

**SOALAN PERTANYAAN : Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta**  
**JAWABAN MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:-**  
**LISAN (a) apakah kebaikan kepada pihak Kerajaan**  
**DEWAN Malaysia dalam persetujuan dengan**  
**RAKYAT Kerajaan Singapura bagi pemindahan hak**  
**T milik tanah seluas 217 hektar milik KTMB**  
**kepada MS Pte Ltd; dan**

**(b) siapakah pembeli bagi tanah milik KTMB**  
**di Bangsar dan berapakah nilai urusniaga**  
**tersebut.**



**Taan Vann c!i- A-i'Aa,**

rti'rnyf><:-^pi.^r. Ann:a kacik kapada kB Pata d? aAa >vraa.n  
dikem ukakan.

2. Dalam konteks ri-emeihara dan meningkatkan hubunpan anuaa. Plafaysia dengan negara-negara jiran, Kerajaan terus membari pada-a^a ut&ma kepada usaha-usaha untuk menyelesaikan isu-isu yang tertunggak dan yang mungkin drabA dari masa ke semasa. Kerajaan sentiasa komited untuk mendapatkan **penyelesaian** yana li.ra r-.rai melalui pendekatan diplomasi dan proses rundingan dua haia di sarmpaig mengambil kira semangat kerjasama dan iniegrasi ASEAN.

Tuan Yang **di-Pertua,**

3. Kerajaan memberi perhatian serins kepada peiaksanaaa tadiadap semua persetujuan yang telah dicapai di antara Y.A.B. Perdana rvler-feri dengan Perdana Menteri Singapura rnengenA pelaksanaari, denn&n izin, *Points of Agreement* (PDA) yana teiah tertunggak seiama 'A; -A" POA telah memperuntukkan pemindahan stesen keretapi PTAA dr Tanjong Pagar ke *Woodlands Train Checkpoint* pada 1 Juiai 2011, dan penubuhan sebuah syarikat usaha sarna M-S Pte Ltd. Susulan daripada itu, persetujuan telah dicapai mengenai pertukaran tanah untuk dibangua bersama oleh M-S Pte Ltd. Manakala isu caj pembangunan, dengan izin, *development charge* yang periu dibayar oieh M-S Pte Ltd akan dibawa untuk proses timbang tara antarabangsa untuk mendapat



penyelesaian secara baik. Sebuah pasukan pelaksanaan bersama, *Malaysia-Singapore Joint Implementation Team (MSJIT)* telah ditubuhkan untuk menyusul pelaksanaan POA. Mesyuarat MSJIT yang **ketiga diadakan pada 20 - 21 Oktober 2010 di Malaysia.**

4. **Mengenai isu keluasan sebenar tanah-tanah KTMB yang akan dipindah milik kepada M-S Pte Ltd, adalah 83.908 hektar dan bukan 217 hektar sebagaimana yang dibangkitkan. Saya hanya ingin menyentuh berkaitan tanah KTMB di Singapura sahaja kerana tanah KTMB di Malaysia (Bangsar) bukan di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.**

5. **Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tanah-tanah K1 di Singapura adalah merupakan tanah-tanah milik *Singapore Railway* yang dipajakkan oleh Kerajaan Negeri-Negeri Selat kepada Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu melalui <sup>11</sup> *Singapore Railway Transfer Ordinance*” bertarikh 25 Oktober 1918. Menurut Ordinan 1918, tanah- tanah tersebut hanya boleh digunakan untuk tujuan perkeretapian sahaja dan tidak boleh dibangunkan untuk tujuan komersil yang lebih menguntungkan. Sekiranya tanah-tanah tersebut digunakan untuk tujuan lain selain daripada perkeretapian, Kerajaan Singapura akan mengambil balik tanah-tanah tersebut tanpa pampasan.**

6. **Pemindahan tanah-tanah ini merupakan salah satu aspek daripada pelaksanaan POA yang boleh menyumbang kepada penyelesaian isu-isu dua hala antara Malaysia dengan Singapura. Langkah ini membolehkan kedua-dua negara berjiran melihat ke hadapan ke arah peningkatan kepentingan bersama.**

7. i -i;- 'io:n PfPCff^hFR s>rb;..?;; i

meno'enas pereernpadansn marrm'ti sebsp<i finnan l(e!,)t'^^

•.'^t'S:A[[[\*i.an k^ c;N:- P-IM P^'teh, o^VUc'.C. 1 ^i'tQi- h (J:Li "'h"! ■'--'i: .n.

Pr-P^T, hY ff if, M-i; 'A. -f:-V,\';ate: P' "PP iiiiwVi 1-1^-[■:■?:[-l;■

tePPi ;;;PP■! kcP Li'PP If P u ' : i ^PPu I jr[i i i' -..■"■'

8. Unnsk rnakPHTint, Vang Berhormat, soalan bahagian (b) adaiah di bawah tanggungjawab Kementerian P^ng^r yk..ix.

Walaubagaim&n&puri teni'h lersebyf aotetah bak milik Ke-f-'-':j.v:n; -b kc.\v.b perietakan Perbananai! *Ami* Keretapi (PAK) iabn di Bangle.' reU\*!i kep^da Pelaburan rbrtan^h B^rhtvi (PHB) dengan harga Riv! i:0-r\* jut-;

Sekian, terima k^PP,

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2010**

**DARIPADA : Y.B. DATUK IR. ONG TEE KEAT [ PANDAN ]**

**SOALAN : Y.B. Datuk Ir. Ong Tee Keat [ Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Pasukan Petugas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara untuk mengkaji kes PKFZ telah mengemukakan sebarang laporan *turn around plan* kepada Jemaah Menteri. Jika ya, bila dan apa cadangannya. Jika belum, mengapa.**



**SOALAN NO: *Ifj*,**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, laporan yang disediakan oleh Pasukan Petugas Khas Projek Pembangunan *Port Klang Free Zone* (PKFZ) belum dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Laporan tersebut sedang diteliti untuk tindakan seterusnya memandangkan terdapat pelbagai aspek seperti ekonomi, teknikal, kewangan dan perundangan yang perlu diperhalusi.**

**Sekian, terima kasih.**

